

03/12/1997

Dua sektor untuk industri strategik

SEKTOR aeroangkasa dan maritim dikenal pasti sebagai industri strategik dalam proses perindustrian dan pembangunan teknologi negara selaras hala tuju menjadi negara maju dan mencapai Wawasan 2020.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata sektor aeroangkasa, termasuk sub sektor penerbangan dan angkasa adalah industri yang lebih berintensifkan teknologi berbanding industri lain.

Sehubungan itu, industri aeroangkasa yang maju sepenuhnya akan memberi kesan langsung menyumbang secara positif terhadap strategi pembangunan negara.

"Pembangunan itu seterusnya membentuk jaringan dan kesepaduan kepada proses perindustrian negara," katanya di majlis perasmian Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima '97) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), semalam.

Lima '97 dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Syed Hamid berkata, industri aeroangkasa di Malaysia kini berada di peringkat pertengahan antara mentah dan matang kerana pembangunan industri itu belum lagi menyeluruh.

Katanya, tahap teknologi aeroangkasa Malaysia terdiri daripada kegiatan pembaikan pesawat, pembuatan komponen yang terhad dan pemasangan pesawat ringan.

(END)